

Headline	Hentikan kerakusan manusia		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	29 Jul 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	11	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	392 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,748
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,243



Hentikan kerakusan manusia

BUKU yang ditulis oleh seorang penyelidik di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) bertujuan membincangkan kesan buruk perbuatan manusia memusnahkan alam sekitar semata-mata untuk meraih keuntungan pada waktu singkat.

Kemusnahan berlaku di Cameron Highlands menyaksikan bukit digondolkan untuk dijadikan kebun sayur yang kemudiannya menerima tindak balas daripada alam dalam bentuk banjir dan tanah runtuh seharusnya dijadikan pengajaran oleh semua pihak.

Penulis dalam prakata buku berkenaan mengingatkan bahawa bumi bukan hak milik kekal sesiapa sebaliknya adalah kepunyaan bersama yang perlu dipastikan selamat daripada pencemaran dan kemusnahan.

Beliau menegaskan, adalah menjadi tanggungjawab semua orang untuk memastikan alam sekitar sedia ada terus berkekalan untuk tatapan generasi akan datang.

Untuk rekod, sebanyak 59.5 peratus daripada keseluruhan keluasan Malaysia masih lagi diliputi hutan.

Bagaimanapun, tiada jaminan kawasan hijau berkenaan akan terus kekal kerana sebahagian daripadanya sahaja yang dikategorikan kawasan rizab hutan

kekal yang tidak boleh dibangunkan.

Bukan sahaja kawasan hutan di daratan diancam dengan pembangunan malah turut menerima nasib sama ialah hutan paya bakau yang telah dimusnahkan untuk pelbagai projek sedangkan habitat berkenaan adalah benteng penahan pesisir pantai daripada hakisan dan ombak tsunami.

Menurut penulis, kawasan hutan terbabit perlu dikekalkan bagi membolehkan Malaysia terus berada dalam senarai 12 negara dunia yang mempunyai megabiodiversiti.

Ini bermaksud hutan di negara-negara terbabit mempunyai sekurang-kurangnya 60 peratus daripada spesies yang diketahui hidup di dunia.

Sebanyak 11 negara lain yang turut berada dalam senarai itu ialah Mexico, Indonesia, Zaire, Brazil, China, Colombia, Peru, India, Venezuela, Ecuador dan Cameroon.

Malaysia kini mempunyai 286 spesies haiwan, 736 burung dan 15,000 tumbuhan berbunga.

Kebanyakan negara yang berada dalam senarai berkenaan mempunyai hutan tropika yang memang diketahui mengandungi flora terbanyak di dunia walaupun hanya meliputi tujuh peratus kawasan permukaan bumi.

Dalam pada itu, penulis turut mempersoalkan langkah memusnahkan hutan semata-mata untuk membina empangan bersaiz besar di kawasan hulu sungai.

Beliau berpendapat, kawasan hutan yang telah digondolkan tidak akan dapat menampung dan mengekalkan lembapan sama ada di udara atau tanah.

Perbuatan rakus manusia itu akan menyebabkan tanah menjadi kering menerusi proses penyejatan.

Sebagai alternatif, penulis mencadangkan pembi-

Headline	Hentikan kerakusan manusia		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	29 Jul 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	11	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	392 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,748
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,243

naan banyak kolam takungan kecil di kawasan hilir sungai bagi digunakan sebagai sumber bekalan air dan tebatan banjir.

Pembinaan kolam takungan di hilir sungai adalah lebih bersesuaian kerana faktor aliran air yang lebih besar di situ berbanding di hulu.

Langkah inovatif berkenaan sudah tentu dapat mengurangkan perbuatan memusnahkan hutan simpan secara besar-besaran atas alasan untuk pembangunan.

Sementara itu, penulis turut memberi penjelasan berhubung salah faham banyak pihak yang menganggap negara yang terletak berhampiran garisan Khatulistiwa mempunyai warna tumbuh-tumbuhan yang seragam iaitu hijau.

Pihak berkenaan turut memuji negara beriklim empat musim yang dikatakan mempunyai landskap tumbuh-tumbuhan berwarna-warni dan lebih indah.

Sebenarnya negara beriklim tropika masih boleh mempunyai tumbuh-tumbuhan berwarna-warni jika pakar landskap pandai memilih pokok sesuai.

Sesetengah pokok akan mengalami pertukaran war-

na pada daun ketika musim putik, matang dan hendak luruh.

Misalnya, pokok perah akan mengeluarkan daun muda berwarna merah manakala pokok gapis yang sering hidup di tebing sungai mempunyai bunga berwarna oren keemasan.

Penulis turut mendedahkan bahawa negeri-negeri di utara tanah air yang mengalami cuaca lebih panas khususnya Kedah dan Pulau Pinang turut masyhur dengan pokok *tabebuia pentaphylla* atau lebih dikenali dengan nama tecoma atau pokok kertas tisu.

Pokok berasal dari Amerika Selatan yang kebiasaannya ditanam di tepi-tepi jalan akan mengeluarkan bunga berwarna merah jambu dan putih.

Tempoh pokok berkenaan berbunga yang kebiasaannya antara Mac dan Julai dikenali sebagai musim bunga sakura di negeri berkenaan iaitu menyerupai musim pokok ceri berbunga di Jepun.

Sebenarnya, rakyat negara ini tidak perlu melancong ke Jepun untuk menyaksikan musim bunga yang cantik sekiranya pakar landskap pandai memilih pokok sesuai untuk ditanam. Selamat membaca!



info

Judul: **Manusia dan Alam Sekitar**

Penulis: **Khairuddin Kamaruddin**

Jumlah halaman: **251 muka surat**

Tahun terbitan: **2015**

ISBN: **978-983-49-0164-6**

Penerbit: **Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)**

Harga: **RM48**